

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 24

### Eksport mintak sawit menjunam 23 peratus

Kuala Lumpur

**E**ksport sawit Malaysia dijangka terus lemah tahun ini susulan persaingan sengit daripada Indonesia namun bakal 'terselamat' berikutan musim perayaan Aidilfitri yang bakal tiba.

Menurut RHB Investment Bank, inventori minyak sawit Malaysia meningkat 3.3 peratus bulan ke bulan pada Januari meskipun ketika musim keluaran rendah disebabkan oleh permintaan yang lemah.

"Malaysia mungkin terus dibelenggu persaingan segeri daripada Indonesia manakala paras stok minyak sawit tinggi di negara pengimpor juga bermaksud eksport akan terus lemah pada masa hadapan."


"Satu-satunya penyelamat bagi eksport pada bulan mendatang ialah musim perayaan Aidilfitri ini," kata RHB Investment Bank dalam nota penyelidikan yang diterbitkan semalam.

la disediakan penganalisisnya, Hoe Lee Leng dan Syahril Hanafiah.

Bantuan pelaburan itu berjaya, pengeluaran minyak sawit Malaysia bagi Januari 2023 jatuh 14.7 peratus berbanding bulan sebelumnya manakala eksport menjunam 23 peratus yang mengakibatkan peningkatan stok kepada 2.27 juta tan, meningkat 3.3 peratus daripada bulan terdahulu.

"Penurunan eksport mungkin disebabkan penurunan bermusim pasca Tahun Baharu Cina selepas kenaikan pada bulan sebelum ini serta persaingan berterusan daripada Indonesia."

"Pada bulan mendatang, paras stok mungkin menyederhana kerana keluaran dijangka terus menurun bulan ke bulan sehingga hujung suku pertama 2023 disebabkan musim keluaran rendah manakala permintaan perayaan Aidilfitri patut mula meningkat."



MALAYSIA mungkin terus dibelenggu persaingan sengit daripada Indonesia.

## EKSPORT MINYAK SAWIT MENJUNAM 23 PERATUS

*RHB Investment Bank jangka eksport sawit Malaysia terus lemah tahun ini susulan persaingan sengit dari Indonesia*

"Pada 2022, pengeluaran Indonesia mendatar manakala eksport menurun 8.5 peratus berbanding setahun sebelumnya akibat tanggungjawab pasaran domestik (DMO) dan larangan eksport dilaksanakan pada tahun berkenaan," katanya.

Mengulas mengenai perkembangan sektor sawit akhir-akhir ini, RHB Investment Bank berkata, Indonesia antaranya berhasrat

menyemak semula nisbah kuota minyak sawitnya tak kala harga minyak masak domestik meningkat memandangkan Ramadan semakin hampir. Katanya, pihak berkuasa juga akan menyemak semula harga 9,300 rupiah sekilogram yang ditetapkan untuk DMO.

"Walaupun dasar tahun lalu mungkin dikenakan semula tahun ini, kami tidak

menjangka Indonesia melarang eksport sepenuhnya kali ini.

"Namun, nisbah DMO dan penetapan harga mungkin menjadi alat untuk mengawal bekalan domestik."

"Buat masa ini, Indonesia membenarkan syarikat mengeksport enam kali ganda jumlah yang dijual kepada pasaran domestik. Hal ini mungkin akan membawa turun naik harga dalam

jangka dekat.

"Selain itu, mengenai program B35 Indonesia yang dimulakan pada 1 Februari lalu, kami difahamkan syarikat biodiesel tidak menerima sebarang perubahan pada peruntukan yang mereka terima pada akhir 2022 malah, peruntukan 2023 sudah pun mengambil kira pelaksanaan mandat campuran biodiesel lebih tinggi dan juga had kapasiti," katanya.

**Penurunan eksport mungkin disebabkan penurunan bermusim pasca Tahun Baharu Cina selepas kenaikan pada bulan sebelum ini serta persaingan berterusan daripada Indonesia"**

**RHB Investment Bank**